

Lelaki cuba serang dengan parang dipenjara dan disebat

BINTULU: Seorang lelaki berusia 24 tahun dijatuhi hukuman penjara enam tahun berserta dua sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, kelmarin selepas mengaku bersalah atas pertuduhan cuba menyerang seorang lelaki menggunakan sebilah parang disebuah stesen minyak disini pada 29 Jun lalu.

Hakim Mahkamah Sesyen Leo Saga menjatuhkan hukuman itu mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

Ketua Polis Daerah Bintulu Superintendan Nixon Joshua Ali berkata, tertuduh yang mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan kemudian dijatuhi hukuman penjara enam tahun berserta dua sebatan.

“Pertuduhan itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan, manakala pertuduhan mengikut Seksyen 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berba-



DIBICARAKAN: Dua anggota polis mengiringi tertuduh ke Mahkamah Sesyen Bintulu kelmarin. — Gambar IPD Bintulu

haya 1958 memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun serta sebatan,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Terdahulu katanya, satu rakaman video yang tular di media sosial pada 3 Julai lalu memaparkan seorang individu cuba menyerang seorang lelaki menggunakan sebilah parang di sebuah stesen minyak di daerah ini pada 29 Jun.

Susulan itu katanya, suspek ditahan sebelum dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Bin-

tulu kelmarin dan didakwa mengikut dua seksyen berkenaan.

Tegasnya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bintulu tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas tanpa kompromi demi menjaga keselamatan dan keharmonian masyarakat di daerah Bintulu.

“Sebarang perlakuan jenayah boleh dilaporkan melalui Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu di talian 086-318304,” katanya.